

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA]

TARIKH : 04 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 25

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa jumlah Lesen Kenderaan Pengangkutan Awam (*Public Service Vehicle-PSV*) yang dikeluarkan kepada pemandu-pemandu e-Hailing setakat ini dan berikan butiran mengikut negeri dan sama ada Kementerian berhasrat untuk melanjutkan tempoh untuk pendaftaran PSV untuk kenderaan e-Hailing.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini, terdapat dua puluh enam (26) syarikat e-hailing yang telah memohon lesen dan dua puluh tiga (23) telah diberikan kelulusan lesen oleh APAD untuk menjalankan perkhidmatan e-hailing. Jumlah keseluruhan kuota kenderaan e-hailing yang dipohon untuk kesemua syarikat e-hailing tersebut adalah sebanyak 165,370 kenderaan. Selanjutnya sehingga 17 Jun 2019, jumlah pemandu yang telah berdaftar di pusat latihan memandu (Institut Memandu dan e-hailing operator) adalah berjumlah 23,968 orang. Manakala yang telah lulus ujian PSV dan diberikan lesen memandu vokasional PSV adalah seramai 10,151 orang.

2. Untuk makluman ahli Dewan yang mulia ini, pada bulan Julai 2018, YB Menteri Pengangkutan telah memberikan tempoh moratorium selama satu (1) tahun kepada syarikat e-hailing dan pemandu e-hailing untuk membuat persediaan dan persiapan sebelum penguatkuasaan sepenuhnya pada 12 Julai 2019. Tempoh moratorium ini ada untuk memberi masa dan ruang kepada mereka yang terlibat untuk memohon lesen perniagaan pengantara (e-hailing), lesen memandu vokasional (PSV), pendaftaran kenderaan, membeli insurans tambahan dan sebagainya. Dengan itu, semua yang terlibat harus memastikan semua keperluan yang dikehendaki diselesaikan sepanjang tempoh moratorium. Buat masa ini pihak kementerian dan JPJ tidak berhasrat untuk melanjutkan tempoh moratorium yang telah ditetapkan tersebut.

Sekian, terima kasih.